



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN KEBENARAN
MEMANDU SERTA
PEMBAYARAN ELAUN TUGAS
MEMANDU KENDERAAN
KERAJAAN**

DISEDIAKAN OLEH:

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SEKSYEN PENTADBIRAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
PUTRAJAYA
TEL: 03-88703308
FAKS: 03-88886242

TARIKH KEMASKINI: 4 JANUARI 2023

ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>M/S</u>
Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan Dan Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan	1-5
Carta Alir Proses Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan Dan Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan	6
Proses Kerja Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan Dan Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan	7
Rujukan	8
Lampiran	
1. Senarai Semak	
2. Borang Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan Jabatan KM1/Pind. 2023	

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU SERTA PEMBAYARAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN KERAJAAN

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini dikeluarkan bagi memastikan semua Urusan Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan Serta Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan di Jabatan Pertanian Malaysia dibuat dengan teratur dan menepati peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa. **(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007)**
- 1.2 Selaras dengan keperluan Jabatan pada masa kini, Garis Panduan Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan Serta Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan Kerajaan ini dikeluarkan bagi menambahbaik Garis Panduan Kebenaran Memandu Kenderaan Jabatan Pertanian Tahun 2016.

2. PELAKSANAAN

- 2.1 Elaun Tugas Memandu Kenderaan dibayar kepada **pegawai Perkhidmatan Awam yang jawatannya bukan Pemandu Kenderaan** dan **diarahkan oleh Ketua Pejabat** untuk memandu kenderaan Kerajaan dengan menggunakan borang **Lampiran A**.
- 2.2 Kebenaran memandu kenderaan Kerajaan akan diberikan selama **satu (1) tahun sahaja**. Sekiranya masih diperlukan, pemohon perlu mengemukakan semula permohonan ke Bahagian Khidmat Pengurusan untuk pertimbangan Ketua Pengarah Pertanian.
- 2.3 Kebenaran ini adalah **sah bagi tempoh kelulusan yang diberikan sahaja** dan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya pegawai yang diberikan kebenaran meninggal dunia, bertukar keluar dari jabatan/bahagian atau ditamatkan kebenaran memandu oleh Jabatan.
- 2.4 Pegawai yang **diberikan kebenaran untuk memandu kenderaan Kerajaan** perlu mematuhi **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, WP 4.1- Pengurusan Kenderaan Kerajaan**.

3. SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU SERTA PEMBAYARAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN KERAJAAN

3.1 Pegawai yang layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) **Tugas hakiki** pegawai **bukan memandu kenderaan**;
- b) **Mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah** mengikut kategori kenderaan berkenaan;
- c) **Diarahkan oleh Ketua Jabatan** untuk memandu kenderaan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan; dan
- d) Memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama **tidak kurang daripada 4 jam sehari**.

3.2 Syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh semua Ketua Bahagian:

- a) Pemohon terdiri daripada **Kumpulan Pelaksana Sokongan 2 (Gred 11-26) lantikan Persekutuan sahaja**.
- b) Sekiranya **tiada calon** di kalangan Kumpulan Pelaksana Sokongan 2, **boleh dipertimbangkan bagi Kumpulan Pelaksana Sokongan 1 (Gred 27-40)**. Walaubagaimanapun, pertimbangan akan diberikan berdasarkan justifikasi dan keperluan mendesak jabatan.
- c) Kenderaan yang dipohon adalah kenderaan **Hak Milik Kerajaan Persekutuan yang telah didaftarkan dibawah Jabatan Pertanian**
- d) **Kuota** pegawai **tidak melebihi** jumlah kenderaan.

Contoh:

Bilangan Kenderaan	Bilangan Pemandu Kenderaan (Hakiki)	Bilangan pegawai yang layak dilantik sebagai Pemandu Kenderaan Tersebut	Catatan
4 Buah	4 orang	Maksimum 2 orang - Seorang (1) pemandu gantian - Seorang (1) pemandu siap sedia (<i>standby</i>)	Tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Pertanian
4 Buah	2 orang (Kekosongan 2 jawatan Pemandu dan tidak diisi)	Maksimum 4 orang - Seorang (1) pemandu gantian bagi setiap kenderaan yang tiada pemandu hakiki - seorang (1) pemandu gantian - seorang (1) pemandu siap sedia (<i>standby</i>)	

- e) Ketua Pejabat perlu mengemukakan calon pemandu kenderaan kerajaan mengikut **senarai keutamaan**. Pemandu gantian akan dipertimbangkan untuk memandu di seluruh Semenanjung Malaysia manakala pemandu siap sedia (*standby*) akan dipertimbangkan untuk memandu hanya di dalam negeri sahaja.

4. KUASA MELULUS PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU KENDERAAN SERTA PEMBAYARAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN KERAJAAN

4.1 Kuasa melulus Elaun Tugas Memandu Kenderaan bagi Jabatan Pertanian Malaysia ialah **Ketua Pengarah Pertanian**.

5. KADAR ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

5.1 Kadar elaun Elaun Tugas Memandu Kenderaan adalah seperti berikut:

Jenis Kenderaan	Kadar Sehari
Kereta/Van/Lori/Bot Berenjin	RM5.00
Motosikal	RM3.00

6. TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN/BAHAGIAN

- 6.1 Memastikan bahawa **jumlah pegawai** yang ingin dilantik **selaras dengan keperluan dan bebanan kerja** yang terdapat di jabatan/bahagian masing-masing;
- 6.2 Memastikan **sumber kewangan yang mencukupi** bagi menampung pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan;
- 6.3 Memastikan hanya pegawai yang mendapat **kelulusan daripada Ketua Pengarah Pertanian** sahaja yang layak memandu kenderaan Kerajaan;
- 6.4 Memastikan **permohonan yang dihantar ke Bahagian Khidmat Pengurusan adalah lengkap** menggunakan **borang permohonan KM1/PIND.2022**. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan semula dan perlu dibuat pembetulan **dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia dikembalikan**;
- 6.5 Memastikan bahawa **justifikasi yang munasabah dan jelas** diberikan bagi setiap permohonan Elaun Tugas Memandu Kenderaan. **Sebagai contoh, mengemukakan jadual bertugas pegawai yang terlibat**;
- 6.6 Sebarang **rayuan permohonan** perlu dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan **dalam tempoh 14 hari** daripada tarikh keputusan dikeluarkan; dan

- 6.7 Memaklumkan kepada pentadbiran ini **secara bertulis** sekiranya terdapat pegawai yang telah diluluskan kebenaran memandu kenderaan Kerajaan namun telah meninggal dunia, bertukar keluar dari jabatan/bahagian atau ditamatkan kebenaran memandu oleh Jabatan dan **mengemukakan semula permohonan** tersebut untuk pertimbangan Ketua Pengarah.

7. PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:

- 7.1 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai-pegawai berikut:

NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON
Puan Kamisah Binti Kassim	03-88703188
Puan Azzuriena Binti Mohammad Nasir	03-88703388
Encik Che Ahamad Taufiq Bin Che Zakaria	03-88703349

8. Sila hantarkan permohonan yang lengkap ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 11, No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
62624 Putrajaya
(u.p.: Seksyen Pentadbiran)

9. Garis Panduan ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Tarikh: 4/1/2023


.....
(DATO' ZAHIM BIN HASSAN)
Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian Malaysia


RUJUKAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007 – Elaun Tugas Memandu Kenderaan
2. Garis Panduan Kebenaran Memandu Kenderaan Jabatan Pertanian Malaysia Tahun 2013
3. Garis Panduan Kebenaran Memandu Kenderaan Jabatan Pertanian Malaysia Tahun 2016
4. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, WP 4.1- Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

**PROSES KERJA PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU KENDERAAN
SERTA PEMBAYARAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN KERAJAAN**

BIL.	PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB
1.	Terima permohonan daripada Ketua Pejabat/ Bahagian	Penolong Pegawai Tadbir Kanan (PPTK(BK)T)
2.	Semak - Kelayakan permohonan - Maklumat pengisian perjawatan Pemandu - Justifikasi permohonan	Ketua Pembantu Tadbir (KPT(BK)T) Pembantu Tadbir (PT(BK)T3)
3.	Jika permohonan lengkap, ke proses seterusnya. Jika permohonan tidak lengkap, dipulangkan semula kepada Jabatan untuk dilengkapi	Ketua Pembantu Tadbir (T) Pembantu Tadbir (PT(BK)T3)
4.	Penyediaan draf kelulusan Kebenaran Memandu Kenderaan	Pembantu Tadbir (PT(BK)T3)
5.	Semakan draf kelulusan Kebenaran Memandu Kenderaan	Penolong Pegawai Tadbir Kanan (PPTK(BK)T)
6.	Draf kelulusan Kebenaran Memandu Kenderaan dibawa untuk pertimbangan Ketua Pengarah Pertanian	Penolong Pegawai Tadbir Kanan (PPTK(BK)T)
7.	Penyediaan surat pemberitahuan Keputusan Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan	Pembantu Tadbir (PT(BK)T3)
8.	Edarkan surat pemberitahuan Keputusan Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan	Pembantu Operasi (PO(BK))
9.	Salinkan kepada Seksyen Kewangan	Ketua Penolong Pengarah (KPP(BK)W) Pembantu Operasi (PO(BK))

**CARTA ALIR PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU KENDERAAN SERTA
PEMBAYARAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN KERAJAAN**



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU KENDERAAN
KERAJAAN DAN PEMBAYARAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN**

BIL	PERKARA	STATUS (ADA/TIADA)	SEMAKAN URUSETIA
1.	Borang Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan Dan Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan (KM1/PIND.2023)	☐	☐
2.	Salinan Kad Pengenalan Pemohon	☐	☐
3.	Salinan Lesen Memandu	☐	☐
4.	Jadual Bertugas Pegawai yang memohon (Sekiranya berkaitan)	☐	☐
5.	Salinan KEW.PA-3 – DAFTAR HARTA MODAL	☐	☐
6.	Salinan Sijil Kursus Pengurusan Kenderaan (Jika Ada)	☐	☐
		Disediakan oleh: 	Disemak oleh:

Tarikh Kemaskini : 12 September 2024



BORANG PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU KENDERAAN

KERAJAAN

A) BAHAGIAN A – UNTUK DIISI OLEH PEMOHON

1. Nama :

2. No. Kad Pengenalan :

3. No. Telefon :

3. Jawatan dan Gred :

4. Alamat Tempat Bertugas :

5. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak/Sementara/Sambilan
(Sila potong yang mana tidak berkenaan)

6. Lesen Kenderaan Semasa :

B	B2	D	E	F	G	H	I

(Sila tandakan (x) pada petak yang berkenaan)

***Sila Sertakan Salinan Kad Pengenalan Dan Salinan Lesen Memandu Pemohon**

Adakah lesen anda pernah dicatat atau ditahan oleh Mahkamah?

Ada		Tiada	
------------	--	--------------	--

Sekiranya ada, Sila berikan butirannya:

.....
.....
.....

Tarikh:.....

Tandatangan:.....
Pemohon

B) BAHAGIAN B: UNTUK DIISI OLEH KETUA PEJABAT

1. Jumlah Kenderaan Sedia Ada: _____ Buah

(SILA LAMPIRKAN KEW.PA-3 – DAFTAR HARTA MODAL)

BIL.	JENIS KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	LOKASI KENDERAAN	PEGAWAI PENYELIA KENDERAAN
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

(Sila buat Lampiran jika tidak mencukupi)2. Bilangan Pemandu **Hakiki** Sedia Ada : _____ Orang

BIL.	NAMA PEMANDU	JAWATAN DAN GRED	STATUS (TETAP/KONTRAK/ SEMENTARA /SAMBILAN)
1.			
2.			
3.			
4.			

(Sila buat Lampiran jika tidak mencukupi)3. Bilangan Pemandu **Authority** Sedia Ada : _____ Orang (Yang masih berkuatkuasa)

BIL.	NAMA PEMANDU	JAWATAN DAN GRED	TARIKH KELULUSAN
1.			
2.			
3.			
4.			

(Sila buat Lampiran jika tidak mencukupi)

4. Bilangan Kakitangan di Bahagian/Agensi : _____ Orang

5. Butir-Butir Kenderaan Yang Dicadangkan Untuk Dipandu Oleh Pemohon
(maksimum 4 kenderaan):

BIL.	JENIS KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	CADANGAN KAWASAN MEMANDU	PEGAWAI PENYELIA KENDERAAN
1.					
2.					
3.					
4.					

6. Rujukan kelulusan yang terdahulu

(Sekiranya Pemohon Pernah Diberikan Kelulusan Memandu Kenderaan Jabatan sebelum ini)

BIL.	JENIS KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	LOKASI KENDERAAN	TARIKH KELULUSAN
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

(Sila buat Lampiran jika tidak mencukupi)

7. Maklumat Kursus Berkaitan Kenderaan Yang Telah Dihadiri

(Sila Masukkan Kursus Pengurusan Kenderaan Yang Telah Dihadiri (Jika Ada). Setiap Pemandu *Authority* Yang Telah Mendapat Kelulusan Perlu Menghadiri Kursus Pengurusan Kenderaan)

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	TEMPAT KURSUS	ANJURAN
1.				
2.				

8. Justifikasi Permohonan

(Sila buat Lampiran jika tidak mencukupi)

C) BAHAGIAN C : ULASAN PENGARAH BAHAGIAN (IBU PEJABAT)

Tarikh:.....

Tandatangan:.....
(Nama dan Cap Rasmi Pengarah Bahagian)

**TUNTUTAN ELAUN TUGAS MEMANDU
KENDERAAN
BAGI BULAN.....**

Nama : _____
Nama Jawatan/Gred : _____
No. K/P : _____
No. Gaji : _____
Nama bank : _____
Nombor Akaun Bank : _____

Saya dengan ini mengesahkan bahawa tugas memandu bukanlah tugas hakiki saya dan dengan ini saya menuntut Elaun Tugas Memandu Kenderaan kerana telah diarahkan menjalankan tugas memandu dan menguasai kenderaan jabatan bagi tempoh yang melebihi 4 jam sehari bagi tarikh-tarikh seperti di bawah:

Bil.	Tarikh	Masa/Jam		Tujuan	Jumlah Jam
		Dari	Hingga		

Jumlah hari : * X RM Sehari = RM.....

(Ringgit Malaysia)

Saya mengesahkan bahawa:

- Segala maklumat yang diberikan di atas adalah **benar**.
- Saya mengaku bahawa telah membawa kenderaan berkenaan melebihi 4 jam sehari
- Tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang.
- Sekiranya didapati bahawa maklumat yang diberikan itu tidak benar, saya akan kehilangan kelayakan elaun ini.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Yang Menuntut)

Adalah disahkan bahawa telah diarahkan menjalankan tugas memandu dan menguasai kenderaan jabatan pada tarikh di atas dan beliau layak menerima Elaun Tugas Memandu Kenderaan Mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang.

Tarikh :

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)
Cop Rasmi Jawatan/Jabatan

Nota : * Mengikut jumlah hari yang layak
Senarai Dokumen yang perlu dilampirkan:

- Salinan Buku Log
- Surat kelulusan Kebenaran Memandu